

TAKAFUL FLEXI PA

PENDAHULUAN

Takaful adalah suatu skim bantu membantu berlandaskan semangat persaudaraan dan perpaduan di mana Peserta seperti Anda sepakat untuk membantu satu sama lain secara kewangan sekiranya berlaku keperluan tertentu seperti yang telah ditetapkan. Dengan niat sedemikian, Peserta membayar sumbangan Takaful berdasarkan Tabarru' (sumbangan) kepada Dana Takaful Am (Dana) yang dikendalikan oleh Etika General Takaful Berhad (Pengendali Takaful).

Sebagai Pengendali Takaful, Kami bertanggungjawab untuk memilih Peserta, menetu dan memungut sumbangan Takaful. Kami juga bertanggungjawab untuk melaburkan Dana & membayar Manfaat Takaful kepada Peserta yang berhak. Semua perolehan dari pelaburan akan dikreditkan ke dalam Dana tersebut. Perhubungan antara Anda dan Kami adalah berlandaskan kontrak Wakalah.

Peserta bersetuju untuk menyertai dalam skim Takaful Am ini berdasarkan prinsip Takaful dan membayar sumbangan atas dasar Tabarru' (sumbangan) bagi tujuan membantu setiap peserta lain yang telah mengalami musibah dan dengan sumbangan ini, Peserta berhak terhadap perlindungan Takaful seperti yang dinyatakan dalam terma-terma & syarat-syarat kontrak Takaful ini.

Lebihan dari Dana akan ditentukan setiap tahun. Pengagihan, sekiranya ada, diperuntukkan bagi peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada dasar lebihan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami. Lebihan yang boleh diagih, sekiranya ada, lima puluh peratus (50%) daripadanya dibayar kepada Kami sebagai fi prestasi kerana bertanggungjawab dalam mengendalikan dan menguruskan Dana, manakala baki 50% akan diperuntukkan kepada para Peserta yang Sijil belum ditamatkan dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Sekiranya berlaku apa-apa defisit daripada Dana, tidak akan ada pengagihan lebihan bagi tahun kewangan tersebut. Dalam keadaan sedemikian, defisit akan dibiayai oleh jumlah yang diperuntukkan bagi tujuan luar jangka. Sekiranya Dana ini masih defisit, qard yang diambil dari Dana Pemegang Saham akan diaturkan. Qard akan dibawa ke tahun kewangan yang berikutnya dan sebarang lebihan yang diperolehi selepas itu akan digunakan untuk membayar semula qard. Sekiranya lebihan kurang daripada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10), Kami akan mengkreditkan jumlah wang itu ke dalam tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai Amal Jariah bagi pihak Peserta. Dana amal akan diagihkan kepada badan-badan kebajikan yang berdaftar.

Permohonan Anda untuk menyertai Skim Takaful ini sebagai Peserta telah Kami terima berdasarkan permohonan yang Anda telah tandatangani berserta segala maklumat yang diberikan kepada Kami. Jika Anda tidak mengisi borang permohonan, penerimaan Kami adalah berdasarkan pernyataan fakta dan apa-apa maklumat yang Anda berikan kepada Kami. Sebagai Peserta, Anda akan menerima perlindungan Takaful untuk kematian, hilang upaya ketal dan elauan kemasukan ke hospital yang mungkin berlaku dalam Tempoh Takaful tertakluk kepada peraturan dan syarat kontrak Takaful ini.

Kontrak Takaful Anda terdiri daripada permohonan, Sijil ini dan Jadual. Anda harus meneliti untuk menentukan ianya menepati perlindungan yang Anda perlukan.

Terima kasih kerana memilih Skim Takaful ini yang dikendalikan oleh Etika General Takaful Berhad.

Ketua Pegawai Eksekutif

SIJIL TAKAFUL FLEXI PA

Sijil ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran sumbangan seperti yang ditentukan dalam Jadual dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Permohonan (atau semasa permohonan Takaful ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak Anda pada atau semasa penyerahan Borang Permohonan (atau semasa permohonan Takaful ini) dan pada masa perjanjian ini berkuatkuasa. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang Anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak Takaful antara Anda dan pihak Kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan Anda atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh Anda, hanya remedii yang terdapat di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara Anda (Peserta) dan pihak Kami (Etika General Takaful Berhad).

KELAYAKAN

Untuk melayakkan diri di bawah Sijil ini, Anda mestilah merupakan Warganegara Malaysia atau Penduduk Tetap Malaysia yang berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun dan tidak melebihi enam puluh (65) tahun pada Tarikh Takaful Berkauatkuasa.

TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN

Adalah menjadi asas dan syarat khas mutlak bagi kontrak Takaful ini bahawa sumbangan penuh perlu dibayar dan diterima oleh pihak Kami sebelum perlindungan Takaful di bawah Sijil ini, Endorsemen atau Pembaharuan, yang mana bekemungkinan, boleh bermula. Jika syarat ini tidak dipatuhi, Sijil ini akan secara automatik terbatal dan tidak sah.

Tertakluk selainnya kepada terma-terma dan syarat-syarat Sijil ini.

TEMPOH PERLINDUNGAN

Sijil ini akan berkuatkuasa untuk tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Takaful Berkauatkuasa dan boleh diperbaharui secara tahunan. Untuk setiap pembaharuan, Sijil ini diperbaharui pada kadar sumbangan yang berkuatkuasa pada masa tersebut dan Anda akan diberitahu secara bertulis tentang sebarang perubahan dalam sumbangan pembaharuan sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum sebarang perubahan berkuatkuasa. Sijil ini diperbaharui atas pilihan Kami sehingga umur Anda tujuh puluh (70) tahun.

DEFINISI

Kemalangan bermaksud kejadian yang tiba-tiba, tidak dirancang, tidak dijangka, luar biasa dan kejadian spesifik yang berlaku pada masa dan tempat yang dikenalpasti, bebas daripada apa-apa sebab lain, dan menjadi punca tunggal Kecederaan Badan.

Manfaat bermaksud Manfaat seperti yang dinyatakan di dalam Sijil, Jadual dan/atau Endorsemen, dibayar oleh Kami mengikut syarat-syarat, pengecualian-pengecualian dan peraturan-peraturan Sijil ini.

Kecederaan Badan bermaksud kecederaan badan yang dialami oleh Anda semasa Tempoh Takaful yang disebabkan semata-mata dan secara langsung daripada Kemalangan. Ini tidak termasuk apa-apa keuzuran, penyakit, parasit, bakteria, jangkitan parasit atau virus walaupun dijangkiti daripada Kemalangan, atau apa-apa keadaan yang berlaku secara semula jadi atau proses hilang upaya atau disebabkan oleh sebarang punca yang berlaku secara berperingkat.

Tempoh Takaful Berkuatkuasa bermaksud tarikh berkuatkuasa seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.

Endorsemen bermaksud bukti bertulis tentang pindaan yang telah dipersetujui bagi Sijil ini.

Dana bermaksud Dana Takaful Am yang diuruskan oleh Kami.

Kemasukan ke Hospital bermaksud kemasukan ke Hospital sebagai pesakit dalam akibat Kemalangan dengan syor Pengamal Perubatan. Pesakit tidak akan dikira sebagai pesakit dalam sekiranya dia tidak menginap di Hospital untuk tempoh keseluruhan kemasukan.

Hospital bermaksud institusi yang dilantik dan didaftarkan sebagai tempat penjagaan dan rawatan bagi orang-orang yang cedera dan sakit sebagai pesakit berbayar, yang mana:

- a) mempunyai kemudahan-kemudahan diagnosis dan pembedahan utama;
- b) menyediakan perkhidmatan kejururawatan dua puluh empat (24) jam oleh jururawat-jururawat yang berdaftar dan bertauliah;
- c) di bawah penyeliaan Pengamal Perubatan; dan
- d) bukan klinik; tempat pemulihan penagih dadah atau arak; rawatan, rehat atau tempat berehat atau rumah orang-orang tua atau tempat yang seumpamanya.

Pengamal Perubatan bermaksud pengamal perubatan yang berdaftar, doktor, pakar perubatan, pakar bedah yang layak dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat, dan yang semasa memberikan rawatan itu, mengamalkannya mengikut skop pelesenan dan latihannya di kawasan geografi profesi tersebut diamalkan. Doktor yang merawat bukan Anda, Pasangan, rakan kongsi perniagaan, majikan, pekerja, ejen atau individu yang berkaitan dengan Anda dalam apa jua cara melalui pertalian darah, perkahwinan, atau pengambilan keluarga angkat.

Kehilangan Menyeluruh yang Kekal bagi Tangan bermaksud:

- a) kudung keseluruhan tangan;
- b) kudung keempat-empat jari di mana jari-jari tersebut bersambung dengan tapak tangan; atau
- c) kehilangan menyeluruh yang kekal bagi penggunaan tangan atau keempat-empat jari.

Kehilangan Menyeluruh yang Kekal bagi Kaki bermaksud:

- a) kudung sebelah kaki (pada paras atau atas dari buku lali); atau
- b) kehilangan menyeluruh yang kekal bagi penggunaan sebelah kaki.

Kehilangan Menyeluruh yang Kekal bagi Anggota bermaksud:

- a) kudung sebelah tangan (pada paras atau atas dari pergelangan);
- b) kudung sebelah kaki (pada paras atau atas dari buku lali); atau
- c) kehilangan menyeluruh yang kekal bagi penggunaan sebelah tangan, lengan atau kaki.

Kehilangan Menyeluruh yang Kekal bagi Daya Penglihatan bermaksud kehilangan mata secara fizikal atau kehilangan menyeluruh yang kekal pada penglihatan, yang mana akan dipertimbangkan sebagai telah berlaku pada kedua-dua belah mata sekiranya ianya telah disahkan oleh pakar oftalmik bertauliah yang berdaftar. Walaubagaimanapun, Kami berhak mendapatkan pendapat kedua.

Tempoh Takaful bermaksud tempoh bermula dari Tarikh Takaful Berkuatkuasa di mana perlindungan di bawah Sijil ini berkuatkuasa.

Penyakit Sedia Ada bermaksud sebarang kecederaan, penyakit, simptom dan/atau keadaan yang wujud sebelum Tarikh Takaful Berkuatkuasa. Anda dianggap mengetahui kewujudan penyakit sedia ada sekiranya berlaku salah satu keadaan di bawah:

- a) Anda telah menerima atau sedang menerima rawatan;
- b) nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan yang telah dicadangkan;
- c) simptom-simptom adalah jelas dan telah dibuktikan; atau
- d) kewujudannya adalah jelas kelihatan kepada seorang yang munasabah apabila melihat keadaannya.

Jadual bermaksud helaian maklumat yang mengandungi butir-butir peribadi Peserta, Manfaat, sumbangan dan Tempoh Takaful yang dilampirkan bersama Sijil ini.

Tabarru' adalah istilah bahasa Arab yang bermaksud pemberian, hadiah atau sumbangan. Dalam Sijil ini, ia dimaksudkan sebagai 'sumbangan untuk menyertai Takaful'.

Kami bermaksud Etiqa General Takaful Berhad.

Wakalah bermaksud tindakan satu pihak yang melantik pihak lain untuk bertindak bagi pihaknya. Dalam konteks Takaful, Kami dilantik untuk menguruskan Dana bagi pihak Peserta.

Anda/Peserta bermaksud Peserta yang dinamakan di dalam Jadual.

PERLINDUNGAN DAN JUMLAH MANFAAT

PERLINDUNGAN	JUMLAH MANFAAT
Seksyen 1 – Kematian akibat Kemalangan	RM50,000
<p>Sekiranya Anda mengalami Kecederaan Badan semasa Tempoh Takaful yang mengakibatkan Kematian dalam tempoh (52) minggu dari tarikh Kemalangan, Kami akan:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) menyelesaikan baki tertunggak pinjaman sewa beli Anda bagi mana-mana kereta persendirian yang daftarkan di atas nama Anda dengan kebenaran daripada penama atau waris Anda, dan membayar jumlah Manfaat yang selebihnya, sekiranya ada, kepada penama atau waris Anda; atau b) sekiranya tiada kebenaran untuk menyelesaikan sebarang baki tertunggak pinjaman sewa beli Anda, membayar penuh jumlah Manfaat kepada penama atau waris Anda. 	
Seksyen 2 – Hilang Upaya Menyeluruh yang Kekal	RM50,000
<p>Sekiranya Anda mengalami Kecederaan Badan semasa Tempoh Takaful yang mengakibatkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Lumpuh Menyeluruh yang Kekal; b) Terlantar kekal; c) Kehilangan Menyeluruh yang Kekal kedua-dua belah mata; atau d) Kehilangan Menyeluruh yang Kekal bagi penggunaan kedua-dua belah tangan atau kedua-dua belah kaki atau kedua-dua belah anggota tangan dan kaki atau kombinasi daripadanya; <p>dalam tempoh lima puluh dua (52) minggu dari tarikh Kemalangan, Kami akan membayar Jumlah Manfaat yang dinyatakan.</p>	
Syarat-syarat yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2	
<ol style="list-style-type: none"> 1. Sekiranya Anda menuntut lebih daripada satu bentuk Hilang Upaya Menyeluruh yang Kekal yang dialami dalam mana-mana satu Kemalangan, maka jumlah keseluruhan dibayar tidak akan melebihi Jumlah Manfaat dibayar untuk Lumpuh Menyeluruh yang Kekal. 2. Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh yang Kekal tidak akan dibayar sekiranya jumlah Manfaat Kematian akibat Kemalangan yang berkait dengan Kemalangan yang sama dibayar. 3. Sijil ini akan terbatal apabila Jumlah Manfaat di bawah Seksyen 1 atau Seksyen 2 telah dibayar. 	
Seksyen 3 – Elaun Kemasukan ke Hospital	RM50 setiap satu malam, sehingga RM5,000
<p>Sekiranya Anda mengalami Kecederaan Badan semasa Tempoh Takaful yang memerlukan Anda dimasukkan ke Hospital, Kami akan membayar kepada Anda RM50 setiap satu malam bagi Kemasukan ke Hospital sehingga RM5,000 (100 malam) dalam mana-mana satu Tempoh Takaful tahunan.</p>	

PENAMBAHAN

1. Perlindungan Kerja-kerja Pejabat/Diluar Waktu Bertugas

Sekiranya Anda bekerja atau terlibat dalam mana-mana pekerjaan yang berikut:

- a) ketenteraan, pertahanan awam, penguatkuasa undang-undang, ahli bomba atau pengawal keselamatan/pegawai;
- b) krew penerbangan, krew kapal, krew carigali minyak, penyelam atau nelayan;
- c) pelombongan, pembalakan, pengilangan papan, kerja-kerja kayu atau kerja-kerja bawah tanah;
- d) perobohan/pemusnahan, peletupan atau kuari;
- e) aktiviti-aktiviti atau kerja yang melibatkan perancang (*scaffolding*), gondola, tali atau kabel; atau
- f) pengendalian bahan letupan, gas beracun atau berbahaya, cecair atau bahan pejal;

menurut penambahan yang diberikan di bawah Sijil ini, perlindungan akan tetap diberikan dengan syarat:

- a) Anda digaji untuk melakukan kerja-kerja pengkeranian/pengurusan (*desk-work*) sahaja; atau
- b) Anda tidak bertugas dan atau telah pun berada di daratan pada masa Kemalangan berlaku dan Kecederaan Badan tidak timbul pada masa bertugas atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan pekerjaan Anda.

2. Kehilangan

Sekiranya Anda hilang dan jasad Anda tidak ditemui dalam masa satu (1) tahun selepas kehilangan Anda, Kami akan membayar Manfaat kematian selepas meneliti semua bukti yang ada dan Kami berpuas hati bahawa kehilangan tersebut boleh dianggap bahawa kematian Anda berpunca daripada Kemalangan.

Seterusnya, sekiranya Anda didapati masih hidup, apa-apa bayaran yang telah dibuat mestilah dikembalikan kepada Kami.

PENGECUALIAN-PENGECUALIAN AM

Kami tidak akan membayar bagi mana-mana Manfaat di bawah Sijil ini yang disebabkan oleh atau disumbangkan oleh atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut:

1. Tindakan yang disengajakan, jenayah atau tindakan haram atau kecuaian;
2. Menyebabkan kecederaan diri sendiri;
3. Di bawah pengaruh alkohol atau dadah, secara sepenuhnya atau sebahagiannya oleh kesan (selain daripada dadah yang diambil menurut preskripsi rawatan dan diarahkan oleh Pengamal Perubatan tetapi mengecualikan dadah yang digunakan untuk merawat ketagihan alcohol atau dadah);
4. Kehamilan, kelahiran anak, keguguran atau pengguguran anak;
5. Virus Imunodefisiensi Manusia (HIV), sebarang keadaan berkaitan dengan Sindrom Hilang Daya Ketahanan Badan (AIDS) dan komplikasi berkaitan AIDS (ARC);
6. Perperangan atau sebarang tindakan perperangan, diisyiharkan atau tidak diisyiharkan;

7. Pengionan, radiasi atau pencemaran, akibat kegiatan radioaktif daripada sebarang bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear atau bahan senjata nuklear;
8. Tiada tuntutan akan dipertimbangkan atau perlu dibayar bagi kemalangan kenderaan bermotor jika Anda tidak mempunyai lesen memandu yang sah. Lesen memandu yang sah adalah lesen yang berkuatkuasa dan hendaklah termasuk pemegang lesen LDL, PDL & CDL yang bertentangan dengan lesen yang digantung atau dibatalkan.

SYARAT-SYARAT AM

1. Pindaan Dan Perubahan

a) Oleh kami

Kami berhak untuk meminda terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat Sijil ini dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis bertulis terlebih dahulu melalui pos biasa ke alamat terakhir Anda yang diketahui dalam rekod-rekod Kami.

b) Oleh Anda

Anda perlu memberitahu Kami jika terdapat apa-apa perubahan kepada alamat, pekerjaan Anda atau jika Anda mengalami apa-apa kecacatan fizikal atau sebarang kelemahan akibat daripada penyakit semasa di dalam Tempoh Takaful dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis bertulis terlebih dahulu.

2. Timbangtara

Semua perbezaan yang timbul daripada Sijil ini akan dirujuk kepada pengantara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bertelingkah. Jika mereka tidak dapat memilih seorang pengantara yang dipersetujui bersama dalam masa satu (1) bulan seperti yang dikehendaki secara bertulis untuk berbuat demikian, kedua belah pihak akan dibenarkan untuk melantik seorang pengantara setiap seorang yang akan mendengar perbezaan-perbezaan bersama dengan pengadil yang akan dilantik oleh kedua-dua pengantara. Kos pengadilan dan keputusan adalah tertakluk kepada pertimbangan pengantara, pengantara-pengantara atau pengadil yang membuat keputusan.

Adalah ditetapkan dan diisyiharkan di sini, bahawa sebelum sebarang tindakan atau tuntutan dibuat ke atas Sijil ini, keputusan yang ditentukan oleh pengantara, pengantara-pengantara atau pengadil seumpamanya, untuk aman manfaat yang dipertikaikan, hendaklah diperolehi dahulu.

3. Makluman, Prosedur dan Penyelesaian Tuntutan

- a) Notis bertulis bagi apa-apa kejadian yang mungkin membolehkan untuk membuat tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Kami dengan kadar segera dan tidak melebihi tiga puluh (30) hari daripada tarikh Kemalangan yang mengakibatkan kecederaan.
- b) Anda mungkin diminta, atas perbelanjaan Kami, untuk menjalani pemeriksaan perubatan lanjut.
- c) Kami hanya akan membayar Manfaat sekiranya laporan perubatan, sijil perubatan, laporan polis, invois/ sebut harga dan resit-resit asal (untuk semua manfaat pembayaran balik) dan lain-lain bukti, yang Kami mungkin perlukan, dikemukakan atas perbelanjaan Anda.
- d) Untuk pembayaran Manfaat, apabila Anda mengemukakan resit atau discaj kepada Kami, liabiliti Kami akan berkurangan dengan membayar jumlah Manfaat atau tamat sekiranya Manfaat penuh telah dibayar.
- e) Kami mempunyai hak untuk menolak tuntutan yang Kami tidak berpuas hati dengan bukti yang sedia ada untuk mengesahkan:
 - i. Identiti Anda; atau
 - ii. Keadaan yang menyebabkan kerugian.
- f) Sekiranya berlaku kematian, Kami berhak untuk mendapatkan laporan post-mortem atas perbelanjaan Anda.
- g) Kami akan membayar Manfaat yang perlu di bawah Sijil ini kepada Anda atau kepada waris Anda mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

4. Mata Wang

Semua bayaran di bawah Sijil ini akan dibayar mengikut Ringgit Malaysia.

5. Salahnyataan/Penipuan

Sijil ini akan terbatal sekiranya permohonan atau pengakuan Anda tidak benar atau sekiranya Sijil ini atau sebarang pembaharuan diperolehi melalui sebarang salahnyataan, gambaran atau penerangan yang salah atau secara paksaan atau sekiranya sebarang tuntutan yang dibuat adalah palsu atau ditokok tambah.

6. Notis Penyerahan Amanah atau Hak

Kami tidak akan terikat untuk menerima atau dipengaruhi oleh mana-mana notis amanah, gadaian, lien, tugas atau urusan lain atau seumpamanya yang berkaitan dengan Sijil ini.

7. Bayaran Manfaat

Sebarang Manfaat di bawah Sijil ini akan dibayar kepada Anda atau penama atau waris Anda, sekiranya ada, seperti yang dinyatakan di dalam Jadual. Sebarang penerimaan apa-apa Manfaat yang dibayar di bawah Sijil ini oleh Anda atau penama atau waris Anda akan dianggap muktamad dan Kami akan dilepaskan dari sebarang liabiliti berkaitan dengan Manfaat tersebut.

8. Penarikan Balik Portfolio

Kami mempunyai hak untuk membatakan portfolio secara keseluruhan sekiranya Kami memutuskan untuk tidak lagi menyambung pengunderitan produk Takaful ini. Pembatalan portfolio tersebut akan diberikan melalui notis bertulis kepada Anda sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum pembatalan tersebut dan Kami akan menguruskan semua Sijil sehingga tempoh perlindungan tamat dalam portfolio.

9. Subrogasi

Sekiranya Kami bertanggungjawab bagi apa-apa bayaran di bawah Sijil ini, Kami akan disubrogasikan tertakluk kepada had bayaran sedemikian untuk semua hak dan remedii Anda terhadap sebarang pihak dan adalah berhak atas perbelanjaan Kami sendiri untuk menyaman atas nama Anda. Anda akan memberikan atau akan menyebabkan untuk memberikan kepada Kami semua bantuan sedemikian dalam kuasa Anda sebagaimana Kami akan perlukan untuk mendapat hak dan remedii dan atas permintaan Kami hendaklah menandatangani atau menyebabkan untuk ditandatangani semua dokumen sewajarnya bagi membolehkan Kami secara berkesan menyampaikan saman menggunakan nama Anda.

10. Penamatian Sijil

a) Penamatian oleh Anda

Sekiranya Anda memberi notis secara bertulis kepada Kami untuk menamatkan Sijil ini, maka penamatian tersebut akan berkuatkuasa daripada tarikh notis diterima oleh Kami atau pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis, mana-mana yang terkemudian. Kami akan mengembalikan sumbangan bagi Tempoh Takaful yang belum tamat dengan kadar pro-rata dengan syarat tiada tuntutan dibuat kepada Kami dalam Tempoh Takaful tersebut.

b) Penamatian Automatik

Sijil ini akan tamat sekiranya Anda meninggal dunia atau selepas pembayaran apa-apa Manfaat di bawah Seksyen 1 atau 2 bahagian Perlindungan dan Jumlah Manfaat.

c) Penamatan oleh Kami

Kami akan memberi notis penamatan dengan pos berdaftar kepada Anda di alamat terakhir yang diketahui. Penamatan tersebut akan berkuatkuasa selepas tiga puluh (30) hari selepas tarikh notis tersebut. Kami akan mengembalikan sumbangan bagi Tempoh Takaful yang belum tamat dengan kadar pro-rata dengan syarat tiada tuntutan dibuat kepada Kami dalam Tempoh Takaful tersebut.

d) Masa Penamatan Berkuatkuasa

Sijil ini akan ditamatkan pada pukul 12:01 pagi waktu Malaysia pada tarikh penamatan berkenaan.

11. Kesalahan dan Peninggalan

Kami akan membetulkan apa-apa kesilapan atau peninggalan di dalam Sijil ini dengan mengeluarkan Endorsemen yang akan dihantar kepada Anda.

Apa-apa pembetulan tidak akan memberi kesan terhadap hak-hak dan kewajipan Anda dan ianya kekal seperti yang telah dipersetujui antara Kita. Apabila Endorsemen tersebut telah dikeluarkan, hanya peruntukan yang terdapat kesalahan di dalam Sijil ini sahaja yang tidak sah.

12. Hak untuk menamatkan kerana Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan

Jika Kami mengetahui atau mengesyaki bahawa Sijil dimanfaatkan untuk kegiatan pengubahan wang haram atau untuk membiasai keganasan, Kami berhak untuk menamatkan Sijil ini dengan segera. Kami akan menguruskan semua sumbangan yang dibayar dan semua Manfaat atau wang yang perlu dibayar berkenaan dengan Sijil melalui apa-apa cara yang Kami anggap sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa berkaitan.

13. Penamaan

Anda boleh menamakan seorang individu untuk menerima Manfaat Takaful yang akan dibayar sekiranya Anda meninggal dunia, sama ada sebagai Wasi atau Benefisiari di bawah Hibah Bersyarat; atau

Penamaan boleh dibuat:

- a) Semasa permohonan dibuat; atau
- b) Dengan memaklumkan kepada Kami secara bertulis.

Anda boleh menentukan bahagian pengagihan Manfaat Takaful untuk dibayar kepada setiap Penama. Jika tiada arahan pengagihan diterima, Kami akan membayar kepada Penama-penama secara sama rata.

Jika terdapat lebih daripada seorang Penama dan mana-mana Penama yang telah dinamakan sebagai Benefisiari di bawah Hibah Bersyarat meninggal dunia terlebih dahulu sebelum Anda, Kami akan membayar bahagian Penama yang meninggal dunia tersebut, apabila Anda meninggal dunia kepada waris Peserta, kecuali Anda telah menamakan Penama yang lain selepas kematian Penama tersebut.

Penamaan Benefisiari dibawah Hibah Bersyarat hendaklah, tanpa mengambil kira mana-mana undang-undang bertulis, mempunyai kesan terhadap pemindahan hak terhadap Manfaat Takaful yang akan dibayar apabila berlakunya kematian Anda kepada Penama. Pemindahan Manfaat Takaful tersebut tidak akan membentuk sebahagian daripada harta pusaka Anda, atau tertakluk kepada hutang mereka.

Tanggungjawab Wasi yang dinamakan

Sekiranya Penama dilantik sebagai Wasi, bahagian setiap Wasi akan ditetapkan di dalam Borang Penamaan Wasi.

Bagi Peserta beragama Islam, Wasi perlu mengagihkan Manfaat Takaful tersebut seperti yang dinyatakan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, undang-undang Islam dan mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan pengagihan harta pusaka Peserta yang meninggal dunia.

Bagi Peserta yang bukan beragama Islam, Wasi perlu mengagihkan Manfaat Takaful mengikut wasiat Anda yang meninggal dunia dan mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan pengagihan harta pusaka Anda. Jika pada masa tuntutan, seorang Wasi telah meninggal dunia sebelum Anda, peratusan bagi Wasi yang meninggal dunia akan diagihkan sama rata antara Wasi yang masih hidup, yang akan bertindak sebagai Wasi untuk mengagihkan Manfaat tersebut.

Hak untuk membatalkan penamaan

Penamaan akan dibatalkan:

- a) Apabila semua Penama-penama meninggal dunia semasa Anda masih hidup;
- b) Melalui notis bertulis daripada Anda kepada Kami; atau
- c) Melalui penamaan berikutnya yang dilakukan oleh Anda kepada Kami.

14. Had Sekatan

Sijil takaful tidak akan memberi perlindungan dan Kami tidak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa Manfaat di bawah Sijil ini terhadap penyediaan perlindungan itu, pembayaran tuntutan atau peruntukan manfaat seperti itu akan mendedahkan Kami kepada mana-mana Sekatan, larangan atau sekatan di bawah Akta Sekatan Komprehensif Iran, Pelepasan dan Akuntabiliti (CISAD) atau Resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau, perdagangan atau sekatan ekonomi, undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah atau United Kingdom.

15. Perubahan kepada Percukaian, Peraturan dan Perundangan

Kami berhak mengubah terma-terma Sijil ini sebagaimana Kami fikirkan sesuai dan adil, sekiranya terdapat perubahan dalam percukaian, perundangan atau peraturan yang mempengaruhi Sijil ini. Kami akan memaklumkan kepada Anda dalam masa tiga (3) bulan sebelum Kami mengubah terma-terma di dalam Sijil ini.

Sekiranya apa-apa cukai sedemikian dikenakan, ia akan menjadi kewajipan Anda untuk membayar cukai tersebut (jika berkenaan).

Sekiranya Anda tidak membayar cukai nilai tambahan sedemikian, cukai barang dan perkhidmatan atau sebarang cukai lain yang serupa, Kami boleh, tetapi tidak diwajibkan untuk membayar cukai sedemikian bagi pihak Anda, dan Anda akan membayar balik atau menanggung rugi Kami untuk semua cukai tersebut apabila diminta oleh Kami.

KENYATAAN MAKLUMAT SIJIL

1. Sekiranya terdapat sebarang perubahan alamat, sila beritahu Kami dengan segera.
2. Untuk sebarang pertanyaan selain dari tuntutan, sila hubungi Kami di:

Etiqa General Takaful Berhad
Level 13, Menara B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia
Nombor Telefon: +603 2297 3888
Nombor Faksimili: +603 2297 3800
Etiqa Oneline: 1300 13 8888
E-mel: info@etiqqa.com.my
Laman Web: www.etiqqa.com.my

3. Untuk sebarang tuntutan di bawah Sijil ini, sila hubungi Bantuan Tuntutan Kami di talian 1300 88 1007.

PROSEDUR ADUAN

Sekiranya Anda dapat perkhidmatan Kami memerlukan penambahbaikan, sila berikan Kami maklum balas Anda dengan menghubungi Kami melalui pos di:

Unit Pengurusan Aduan
Etiqa General Takaful Berhad
Level 5, Menara B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia;

Atau melalui telefon 1300 13 8888 atau +603 2780 4500 (Luar Negara)
Nombor Faksimile: +603 2785 3093
E-mel: cmu@etiqqa.com.my

Kami akan memastikan maklum balas Anda dilayani.

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) dan Biro Perkhidmatan Pelanggan (BPP) Bank Negara Malaysia juga menyediakan pendekatan alternatif dalam memberikan peluang kepada orang ramai untuk membetulkan amalan pasaran yang tidak adil.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA OPK

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) boleh dihubungi oleh Pihak Menuntut atau Peserta, sekiranya Pihak Menuntut atau Peserta tidak berpuas hati dengan keputusan Kami terhadap sebarang pertikaian, atau kegagalan Kami untuk memberi maklum balas terhadap sebarang aduan dalam tempoh enam puluh (60) hari. Anda boleh menghubungi OPK melalui:

E-mel: enquiry@ofs.org.my
atau

Nombor Faksimile: +603 2272 1577
atau

Alamat Pos:
Ketua Pegawai Eksekutif
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan
(Dahulu dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan)
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No.4, Jalan Sultan Sulaiman
50000, Kuala Lumpur

Sebagai alternatif, Pihak Menuntut atau Peserta boleh memfailkan pertikaian itu secara peribadi di pejabat OPK.

OPK perlu dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad daripada Kami berkenaan pertikaian yang dibuat Pihak Menuntut atau Peserta.

Untuk maklumat lanjut mengenai OPK, sila dapatkan risalah maklumat daripada Kami atau layari laman web OPK di www.ofc.org.my.

Penglibatan OPK adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan menurut Seksyen 138 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Menghubungi OPK tidak akan menjelaskan hak Pihak Menuntut atau Peserta untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Kami sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan oleh OPK.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA BPP

Mana-mana Peserta atau Pihak Menuntut yang tidak berpuas hati dengan cara pengendalian oleh sesebuah Pengendali Takaful boleh menulis kepada BPP dengan memberikan butiran tentang aduan, nama Pengendali Takaful dan nombor Sijil atau nombor tuntutan.

Salinan surat-menjurat (sekiranya ada) antara peserta atau Pihak Menuntut dan Pengendali Takaful juga boleh disertakan untuk memudahkan kerja mencari fail kes yang disimpan oleh Pengendali Takaful.

Alamat surat menyurat adalah seperti berikut:

Pengarah, Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah
Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur, Malaysia
Nombor Telefon: 1300 88 5465
Nombor Faksimile: +603 2174 1515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my